



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**ISNIN, 3 JANUARI 2021**

<b>1</b>	Banjir, Peternak itik rugi RM15,00
<b>2</b>	Dayung bot selamatkan 50 kucing dalam banjir
<b>3</b>	Harga dedak naik lagi, penternak mengeluh
<b>4</b>	'Prevent attacks by feeding them'
<b>5</b>	Isu harga dedak tak pernah selesai
<b>6</b>	Ladang tenggelam, penternak rugi besar
<b>7</b>	33 kambing biri-biri lemas akibat banjir
<b>8</b>	Manfaat bot tanpa enjin, selamatkan barang, kucing
<b>9</b>	'Dengarlah rintihan kami'
<b>10</b>	'Import ayam sejuk beku, hanya langkah sementara'
<b>11</b>	Harga ayam, telur mula turun
<b>12</b>	Kiandee: Import of chiken a temporary measure

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## Banjir: Penternak itik rugi RM15,00

**SEGAMAT:** Seorang penternak terpaksa berputih mata apabila perlu menanggung kerugian hampir RM15,000 setelah ternakan itik, telur dan dedak haiwan itu terendam dalam banjir di sebuah ladang di Jalan Maryani, Kampung Jawa di sini.

Mohd. Azim Omar, 28, berkata, dia hanya sempat mengalihkan kira-kira 120 ekor itik jenis penelur itu manakala lebih 600 ekor lagi ditemukan terendam dalam bah yang melanda kampung itu.

"Semuanya berlaku sekilip mata apabila air naik dengan mendadak, saya rancang mahu pindahkan itik-itik ini pagi ini, tetapi, pukul 2 pagi tadi saya ke ladang untuk melihat keadaan dan terkejut kerana air sudah naik ke paras dada.

"Saya tak dapat buat apa-apa untuk selamatkan itik serta telur itik yang disimpan di situ kerana bimbang keselamatan diri," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Azim, itik jenis penelur yang diternaknya bukanlah seperti jenis-jenis itik yang biasa dan boleh berenang lama di



LADANG ternakan itik diusahakan Mohd. Azim Omar masih digenangi banjir di Jalan Maryani, Kampung Jawa, Segamat. -UTUSAN/FARAHWAHIDA AHMAD

dalam air kerana spesis itu hanya mampu bertahan di dalam air selama satu jam sahaja dan tidak mampu lagi bertahan di dalam

air yang sejuk sebelum lemas.

Walaupun terdapat itik yang sempat diselamatkan, dia khawatir kerana mungkin haiwan

itu juga tidak dapat hidup lama kerana keadaan fizikal yang masih basah akibat terendam lama dalam air.

# Dayung bot selamatkan 50 kucing dalam banjir

Oleh NORAINNA HAMZAH  
utusannews@mediamulia.com.my

**TAMPIN:** Seorang lelaki memanfaatkan sebaik mungkin bot tanpa enjin yang diberikan adiknya bagi membantu memindahkan barang serta menyelamatkan kucing yang terperangkap banjir di Taman Pinggiran Sungai Kelamah, di sini, sejak semalam.

Zaini Ahmad, 53, berkata, adiknya, Zaidi Ahmad, 30-an, memberikan bot tersebut pada tahun lalu sebagai persiapan sekiranya taman perumahan yang didudukinya itu dilanda banjir.

Menurutnya, sebaik sahaja kawasan berkenaan mula dilimpahi air seawal pukul 4.30 pagi semalam, terdapat kucing peliharaan yang tertinggal serta tidak dibawa berpindah bersama ke pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) (Felda) Sungai Kelamah.

"Jadi saya pergi dari lorong ke lorong mencari kucing-kucing yang masih terperangkap. Ada yang saya ambil sedang berada di tingkap, ada di pagar dan ada juga yang berada di atas barang yang terapung.

"Ikutkan ada lebih 50 ekor kucing juga yang berjaya diselamatkan dan saya juga



**ZAINI** Ahmad mendayung bot tanpa enjin pemberian adiknya dengan menggunakan sebatang kayu di Taman Pinggiran Sungai Kelamah untuk memberi bantuan percuma kepada mangsa banjir selain menyelamatkan halwan peliharaan mereka. - UTUSAN/NORAINNA HAMZAH

memberikan khidmat percuma kepada jiran-jiran yang mahu memindahkan barang mereka ke tempat selamat.

"Cumanya, disebabkan bot ini tidak berenjin, saya menggunakan pendayung dari kayu serta ada kalanya menarik bot meredah banjir apabila terdapat barang di dalam bot," katanya ketika ditemui di Taman Pinggiran Sungai Kelamah, di sini, semalam.

Difahamkan, lebih 200 buah rumah penduduk terjejas banjir di taman perumahan berkenaan sejak pagi semalam.

Sementara itu, seorang penduduk, Muhammad Nur Jamaah Zurimie, 26, berkata, sekitar pukul 11 malam, penduduk sudah bersedia untuk berpindah ke tempat yang lebih selamat berikutan keadaan cuaca yang hujan berterusan.

Menurutnya, sekitar pukul

4.30 pagi, air tiba-tiba melimpah ke kawasan perumahan terutamanya rumah di bahagian belakang yang lebih rendah sehingga dalam tempoh kurang sejam, air naik separas hampir dua meter.

"Kami hanya sempat menyelamatkan dokumen penting sahaja. Barangan elektrik dan lain-lain terpaksa ditinggalkan disebabkan air naik terlalu cepat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3.1.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

## Harga dedak naik lagi, penternak mengeluh



MAZLINA KAMARUDIN

**ALOR SETAR:** Bagaikan tiada kesudahan, itulah yang terjadi apabila kenaikan harga dedak yang dikaitkan dengan ketidakstabilan harga ayam terus berlaku pada tahun baharu ini sekali gus mengundang keluhan dalam kalangan penternak.

Seorang penternak, Mazlina Kamarudin, 54, berkata, pihaknya dimaklumkan tentang kenaikan harga dedak sebanyak RM1 bagi setiap kampit seberat 50 kilogram (kg) berkuat kuasa

1 Januari dengan jumlah RM111 sekamprit bagi harga borong ketika ini.

\*Jumlah kenaikan sejak Oktober 2020 hingga 1 Januari adalah RM29. Setiap bulan ada kenaikan antara RM1 hingga RM3 kecuali November tahun lepas. Kini sekamprit sudah meningkat sehingga RM111 bagi harga borong dan harga runcit pula RM121.

\*Kami sebagai penternak tidak pilihan kerana dedak adalah input penting dalam segmen

penternakan. Pengeluar dedak pula mereka bersatu jika kata nak naik, semua akan naiklah. Keadaan seolah tidak berubah walaupun masuk tahun baharu, kerana peningkatan kos makanan ayam ini tentu akan meningkatkan kos operasi penternak,\* katanya di sini semalam.

Beliau yang juga Pengarah Urusan syarikat penternakan, Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi) berkata, faktor kenaikan harga dedak itu dipercayai ak-

bat peningkatan kos pengangkutan, kejatuhan mata wang dan bahan komoditi seperti jagung dan soya yang terhad di pasaran antarabangsa.

\*Itu alasan yang diberikan pengeluar dedak terutama kos berkaitan pengangkutan kapal dari luar negara. Kenaikan seperti ini akan terus membebankan penternak terutama dengan harga ayam yang dikawal kerajaan sekarang dan penternak akan terus kerugian,\* ujarnya.



## 'Prevent attacks by feeding them'

Dog rescuer shares tip on dealing with strays

By STEPHANIE LEE  
stephanie@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** One way to prevent stray animals, especially dogs, from chasing or attacking you is to feed them.

This tip is shared by experienced dog rescuer Adrienne Geoffrey Johnin, who has been dealing with strays for over 15 years.

"Dogs, like us humans, just want to survive but due to their terrible living condition of being without a home or owner, they are always in survival mode."

"That is why sometimes, when they feel threatened, they choose to bark or 'gang up' and chase after someone, especially if that person is known to mistreat animals," she said.

There have been complaints that strays were chasing after motorcyclists and passers-by.

Following that, reports emerged about strays being wounded, believed done deliberately.

Adrienne said the easy way to get strays out of one's way, or even not attack, is to feed them.

"Once you feed them, they will see you as a friend and from then on, if you are their usual feeder, you can even lead them and tell them off if they come too close or get into your lawn and take your supper," she said.

She said of late, there had been quite a number of cases where strays were found with severe wounds including slash marks and scalding injuries on their bodies.

Adrienne said unless a person is at risk of getting injured, there is no reason for him to go after strays and hurt them.

"It is sad that many choose violence over proper handling of strays. There are proper channels to get violent strays captured, and from the many cases I have handled, most of these strays are not vicious," she said.

She said she had handled many of these cases and had never once got bitten.

In fact, she said, dogs are playful by nature and want to interact with humans who come their way.

She also advised owners to be responsible towards their pets, and in

take necessary action if their animals are known to chase after humans or vehicles, by fencing their home compound or properly training their pets.

Known stray rescuer and vet Dr Randolph Paza, who recently helped treat an injured dog and another that had a huge maggot-infested head injury, called on the public not to hurt strays even if they hate animals.

He is among some of the vets in Sabah who help in treating injured strays and neutering them.

Grace Jozef Josp, who is an avid stray feeder, Kesingau district, called on the public to be more compassionate to the animals.

"As we enter a new year, let us go through so many challenges in the form of the ongoing pandemic or disasters such as floods. It would be good if we take the opportunity to be better human beings."

"Instead of hurting strays to chase them off, I hope we can all be kinder towards them," she said.

She also hoped more people would contribute to causes to help strays as their numbers are high.

#teamAniDr

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3.1.2022	KOSMO	NEGERA	16

Penternak mengeluh apabila masalah itu bakal bebankan banyak pihak

## Isu harga dedak tak pernah selesai

Oleh JAMILIAH ABDULLAH

**ALOR SETAR** – Bagaiman tidak keadaan. Itulah yang terjadi apabila kenaikan harga dedak yang dikaitkan dengan ketidakstabilan harga ayam terus berlaku pada tahun baru ini sekali gus mengundang keluhan dalam kalangan penternak.

Seorang penternak, Mazlina Kamarudin, 54, berkata, pihaknya dimaklumkan tentang kenaikan harga dedak sebanyak RM1 bagi setiap kampit seberat 50 kilogram (kg) berikut kuasa kelmarin dengan jumlah RM111 sekampit bagi harga borong ketika ini.

"Jumlah kenaikan sejak Oktober tahun lalu adalah RM29. Sekjak Oktober 2020 itu sehingga Januari ini, setiap bulan ada kenaikan antara RM1 hingga RM3 kecuali November tahun lepas dan kini sekampit sudah meningkat sehingga RM111 bagi borong dan bagi runcit RM121."

"Kami sebagai penternak tidak pilihan kerana dedak ad-



HARGA dedak untuk ayam dijangka terus meningkat pada tahun ini sehingga mengundang keluhan penternak.

tah input penting dalam segmen penternakan," katanya di sini semalam.

Beliau yang juga Pengarah Urusan syarikat penternakan, Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi) berkata, keadaan itu seolah-olah tidak berubah walaupun masuk tahun baharu apabila peningkatan kos makanan ayam

tentu akan meningkatkan kos operasi penternak.

"Pengeluar dedak ini pulak bersatu, jika kata nak naik semua akan naiklah," ujarnya.

Menurutnya, faktor kenaikan harga dedak itu diperdayai akibat peningkatan kos pengangkutan, bahan komoditi seperti jagung dan soya yang terhad di pasaran

antarbangsa selain kejatuhan mata wang.

"Itu alasan yang diberikan pengeluar dedak terutama kos berkaitan pengangkutan kapal dari luar negara. Kenaikan seperti ini akan terus membebani penternak terutama dengan harga ayam yang dikawal kerajaan sekarang dan penternak akan te-

rus menanggung kerugian.

"Saya melihat paten ini semacam ada satu pertembungan antara kerajaan dan pengeluar dedak kerana kenaikan dedak terus berlaku di sebalik skim kawalan harga yang ditetapkan kerajaan untuk ayam. Akibatnya dua-dua pihak ini bertembung dan kami penternak ini terpaksa menanggung beban," katanya.

Sehubungan itu, beliau merya agar kerajaan menangani kenaikan harga dedak ini dengan mekanisme terbaik agar ia tidak terus berleluasa.

"Jatikan dedak barang kawalan dan tetapkan harga silang supaya harga dedak tidak terus naik. Bayangkan kini sudah RM29 dalam tempoh setahun lebih. Kita bercakap tentang berjuta-juta kilogram yang kita harus sediakan untuk ternak."

"Kita raya kerajaan masuk kilang dedak dan buat kajian adakah kenaikan itu manusiabu? Cari mekanisme untuk selesaikan harga dedak ini," tambahnya.

# Rugi RM15,000 selepas lebih 600 itik peliharaan mati **Ladang tenggelam, penternak rugi besar**

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

**SEGAMAT** – Seorang penternak itik dari Kampung Jawa di sini terpaksa menanggung kerugian lebih RM15,000 selepas ladang ternakan itik yang diusahakannya di Jalan Maryani musnah ditenggalami air akibat kejadian banjir kelmarin.

Lebih malang apabila Mohd. Azim Omar, 28, tidak sempat menyelamatkan itik ternakan di ladangnya sehingga mengakibatkan lebih 600 haiwan ternakan itu mati.

"Semuanya berlaku sekilip mata apabila air naik dengan mendadak. Saya rancang mahu pindahkan itik-itik ini pada pagi ini (semalam).

"Namun, sebaik sampai ke ladang, saya terkejut apabila melihat keadaan ladang yang ditenggelami air. Air sudah naik sehingga ke paras dada.

"Itik-itik semua terendam di dalam banjir. Saat itu, saya tidak dapat buat apa-apa untuk selamatkan itik serta telur itik yang disimpan kerana bimbang keselamatan diri," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Azim, itik yang diternaknya bukanlah seperti jenis-jenis itik yang biasa boleh berenang lama di dalam air kerana haiwan itu mampu bertahan di dalam air selama satu jam sahaja.

Katanya, itik penelur ini juga tidak mampu bertahan di dalam air yang sejuk sehingga mengakibatkan haiwan itu mati.

Jelasnya, sebanyak 800 ekor itik diternak oleh Azim di ka-



AZIM menunjukkan telur-telur itik yang terjejas akibat kejadian banjir di di ladangnya Jalan Maryani, Kampung Jawa, Segamat semalam.

wasan tersebut dan hanya 120 ekor sempat diselamatkan.

Jelasnya, dia bukan sahaja kerugian RM9,000 apabila itik ternakannya lemas, tetapi kerugian sebanyak RM960 apabila 1,200 biji telur itik turut hanyut dibawa banjir.

Azim yang sudah setahun menceburti bidang ternakan itik

penelur ini mengakui bukan mudah untuk dia bangkit semula selepas kejadian banjir besar tersebut.

"Selain itik dan telur, sebanyak 20 beg dedak juga sudah pergi akibat terendam dalam banjir. Satu beg berharga RM133. Dedak sahaja saya sudah RM2,660 kerugian," luahnya.

## 33 kambing biri-biri lemas akibat banjir

**KUALA PILAH** – Seorang peternak kambing biri-biri, Amir Mohd. Talib, 59, sekali lagi ditimpa malang apabila 33 ekor haiwan ternakannya itu mati dalam kejadian banjir di Kampung Air Taling, Dangi di sini semalam.

Kejadian itu mengulangi episod sama tahun lalu apabila Amir turut menanggung kerugian apabila 21 ekor kambing biri-biri miliknya mati.

"Air naik secara mendadak di kawasan ladang ternakan berdekatan rumah pada pukul 2 pagi. Saya tidak sempat mengalihkan kambing biri-biri berkenaan ke tempat lebih tinggi, hanya mampu menyelamatkan diri sahaja.

"Saya juga tidak sempat melihat kambing yang mati kerana saya berada di pusat pemindahan sementara (PPS) selepas rumah saya ditenggelami air," katanya.

Menurut Amir, dia langsung

tidak menyangka kejadian hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan kawasan kampung dan ladang ternakannya ditenggelami air.

"Saya ingatkan tiada lagi air yang naik di kawasan ladang ternakan, namun kali ini hujan agak lebat sehingga menyebabkan 33 daripada 52 ekor kambing biri-biri saya mati. Saya anggarkan kos kerugian sebanyak RM13,200 pada kali ini.

"Bagaimanapun, saya juga berterima kasih dengan penduduk kampung yang membantu menyelamatkan kambing dan lembu saya menggunakan bot kerana ketika ini saya berada di PPS," katanya yang sudah empat tahun mengusahakan ladang ternakan kambing biri-biri dan lembu.

Bagaimanapun, sebanyak sembilan ekor lembu kepunyaan Amir berjaya diselamatkan dalam kejadian banjir tersebut.



AMIR menunjukkan gambar kambing biri-birinya yang mati akibat banjir di Kampung Air Taling, Dangi, Kuala Pilah semalam.

## Manfaat bot tanpa enjin selamatkan barang, kucing

**TAMPIN** - Seorang penduduk di Taman Pinggiran Sungai Kelamah, Gemas di sini memanfaatkan sebuah bot tanpa enjin bagi membantu memindahkan barang termasuk menyelamatkan kucing yang terperangkap banjir di kawasan itu.

Penduduk berkenaan, Zaini Ahmad, 53, berkata, bot berkenaan diberikan oleh adiknya tahun lalu.

Menurut Zaini, kawasan perumahan ini mula dinaiki air sekitar jam 4.30 pagi Sabtu dan penduduk yang terjejas telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Felda Sungai Kelamah.

"Bagaimana pun terdapat kucing peliharaan yang tertinggal serta tidak sempat dibawa bersama. Saya pergi dari lorong ke lorong mencari kucing yang

masih terperangkap," katanya ketika ditemui pemberita di Taman Pinggiran Sungai Kelamah, Gemas pada Ahad.

Zaini memberitahu, dia menemui kucing yang berada di tingkap, atas pagar dan ada juga cuba menyelamatkan diri di atas objek yang terapung.

"Lebih 50 ekor kucing berjaya diselamatkan. Saya juga memberikan khidmat percuma kepada jiran yang mahu memindahkan barang mereka ke tempat selamat," katanya.

Seorang lagi penduduk, Zakaria Ahlan, 35, yang sudah menetap di taman perumahan itu sejak 10 tahun lalu memberitahu, dalam tempoh tersebut, sebanyak dua kali banjir besar berlaku sehingga menyebabkan banyak barang penduduk rosak.



Zaini (kanan) bersama Zakaria ketika ditemui di taman berkenaan pada Ahad.



GUNAWAK memberi makan kambing petiharauanya.



AHMAD Ibram membersihkan kebun cilincing yang musnah ditenggelami banjir.

## PEKEBUN, PENTERNAK DI DENGKIL RAYU BANTUAN

# 'Dengarlah rintihan kami!'

Dengkil

**W**alaupun pelbagai bantuan dan insentif disuruhkan kerajaan kepada mangsa banjir, para pekebun dan penternak kecil di sekitar Dengkil yang turut terjejas dengan bencana itu berharap nasih mereka yang dibaratiakan 'sudah jatuh di tempat yang tidak dilupukan.'

R Gunasegar, 44, yang mengusahakan ladang ternakan di Kampung Sri Tanjung, di sini berkata banjir besar yang melanda 18 Disember lalu turut memberi kesan kepadaanya apabila 19 ekar ayam lemas dianyamkan air banjir manakala 28 ekar lembu kini kurus kering kerana tiada tempat tunduk makanan.

"Banjir itu memberi kesan kepada haluan ternakan saya. Lembu menjadi lemah kerana berendam dalam air sehingga paras perutnya selama tiga hari manakala 20 ekor kambing saya walaupun terselamat kerana kandangnya lebih tinggi, kura rap dilhat mula naik pada hadan hawam itu," katanya di sini.

Gunasegar yang sudah io tahun mencebur hidang ternakan berharap pihak berwajib dapat menghubungi bantuan kepada penternak dan pekebun terutama yang bersekutu keril kerana mati lemas banjir ini memusnahkan segala galanaya dan tiada tempat bergantung untuk memohon pertolongan.

“  
Cili ini sepatutnya  
dipetik hujung  
bulan depan.  
namun kini tiada  
apa yang tinggal  
Amad Ibram”

"Masa krisialan banjir jam 2 pagi air sudah naik paras lehet. Saya redah air untuk

kataanya, walaupun pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar ada turun memberi bantuan dari segi dedak selepas kejadian banjir itu, penternak kecil masih memerlukan bantuan lain kerana hanya perlatan seperti mesin cincang rumput manusia yang menyebabkan banjir.

Bagi Laman Ab Rahman, 50, nasih belas tidak sebaik Gunasegar kerana tiga ekor lembu ternakannya mati lemas yang menyebabkan kerugian ribuan ringgit.

tuan kepada para petani dan

penternak perlu diberi perhatian untuk mereka banjir kali semula kerana banjir kali ini menyebabkan mereka hilang mata pencarian.

Kawan penanaman pisang seluas 0.81 hektar di

Kampung Semarang, Dengkil yang diusahakannya turut musnah akibat banjir menyebabkan 4,800 pokok pisang lemas ditenggelami air sekali gus hilang punca pendapatan kerana kehancurannya dalam so0 hingga 600 kilogram pisang akan dijual kepada pasar-pasar dan pimborong kilang kerepek.

Bagi pekebun kecil, Ahmad Ibram Mohd Noor, 40, yang kerugian puluhan ribu ringgit selepas 5,000 pokok cilincing yang ditanam secara fertigasi musnah sekilip

mata selepas ditenggelami banjir di Kampung Sri Tanjung pula mahu proses permohonan bagi sebarang bantuan dapat dimulakan.

Beliau berharap pihak berkuaitan dalam pertanian dan penernak dapat memberi bantuan wang tunai untuk mereka yang terjejas akibat banjir supaya dapat melakukan penanaman semula kerana kebanyakannya tanaman musnah ditenggelami air.

"Cili ini sepatutnya dapat dipetik hujung bulan depan namun kini tiada apa yang tinggal. Yang saya teriklan sangat jalak sudah sebulan saya tanam pokok, tiada yang kena serang penyakit dan semasa sihat...namun siapa sangka semua musnah selekip mata," katanya.

# ‘Import ayam sejuk beku hanya langkah sementara’

**MAFI** perjelas henti kebenaran mengimpor jika bekalan cukup, harga stabil

Oleh Saiful Haizan Hasam  
saiful.haizan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjelaskan kebenaran mengimpor ayam bulat sejuk beku dari Thailand dan China, hanya langkah sementara yang akan dihentikan sekiranya bekalan tempatan mencukupi dengan harganya kembali stabil.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata ketika ini bekalan ayam berkenaan sedang dibawa masuk oleh beberapa syarikat yang diberi kebenaran mengimpor 10,000 tan atau 5.5 juta ekor sebulan.

Kstanya, kebenaran itu hanya diberi bagi tempoh tiga bulan bermula Disember 2021 sehingga Februari 2022 dengan pemantauan ketat MAFI.

“Pada awal Disember lalu, ada kekurangan ayam sehingga harga melambung dan rekod kita menunjukkan kita kurang bekalan ayam di pasaran apabila sektor ekonomi kembali dibuka. Jadi kita perlu tambah bekalan (dengan mengimpor).

“Kita bagi kelonggaran sementara untuk menampung kekurangan, jika pengeluaran ayam tempatan adalah mencukupi dan harganya stabil, kita akan hen-



Tinjauan di Pasar Chatang Tiga, Kuala Terengganu mendapati penurunan harga ayam membantu rakyat dapatkan barang keperluan pada harga munasabah.

(Foto BERNAMA)

tikan segern,” katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas mengenai tinjauan *BH* di beberapa lokasi kelmarin yang mendapat harga barang basah, termasuk ayam menyaksikan penurunan harga selepas kerajaan memperluaskan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) bermula semalam.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid turut memaklumkan permeriksaan pematuhan SHMKM mendapat harga barang terkawal menunjukkan penurunan,

termasuk ayam.

“Beberapa barang disenaraikan sebagai barang harga terkawal seperti ayam segar di bawah SHMKM fasa dua ini menunjukkan penurunan dan paras harga lebih stabil di Semenanjung berbanding harga maksimum ditetapkan dalam SHMKM fasa pertama yang berlangsung 7 Disember hingga semalam (kelmarin),” katanya.

Mengulas mengenai bekalan ikan, Ronald berkata, negara mempunyai stok ikan sejuk beku yang mencukupi dalam simpanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Ne-

layan Kebangsaan (NEKMAT).

“Apabila ada kekurangan dalam pasaran, kita akan keluarkan stok.

“Kementerian sentiasa memantau kelangsungan bekalan makanan negara, apakah lagi dalam masa pandemik COVID-19 dan banjir di seluruh negara,” katanya.

Pada 1 Disember lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengarahkan MAFI mengimpor ayam dan mengeluarkan stok simpanan ikan sejuk beku bagi membolehkan rakyat mendapat bekalan pada harga lebih rendah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3.1.2022	KOSMO	NEGARA	7

SHMKM dianggap berkesan, peniaga ingkar akan dikenakan tindakan

## Harga ayam, telur mula turun

Oleh AMREE AHMAD

**PUTRAJAYA** — Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang disambung sehingga 4 Februari depan mula menurunkan harga ayam dan telur.

Menurut Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), maklumat terkini itu hasil tinjauan di lapangan meliputi 15 lokasi di seluruh negara kelmarin.

Harga ayam proses standard di Kuala Lumpur dijual RM9.10 sekilogram iaitu sama dengan harga siling ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Harga yang sama turut dilaporkan di Kinta, Perak; Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang; Kuantan, Pahang; Melaka Tengah, Melaka dan Johor Bahru, Johor.

Malahan ada lokasi yang didapati dijual pada harga lebih rendah seperti di Gombak, Selangor iaitu RM9.05 sekilogram; Kota Setar, Kedah (RM9) dan Kota Bharu, Kelantan (RM8.90).

Laporan disiarkan laman rasmi FAMA itu nampak menunjukkan Kangar, Perlis; Kuala Terengganu, Terengganu dan Seremban, Negeri Sembilan dijual tinggi da-



**HARGA** ayam standard di beberapa tempat mula dijual murah dan ada yang dibawah paras siling hingga mendorong kerajaan melanjutkan SHMKM sehingga 4 Februari depan. — GAMBAR HIASAN

ri pada SHMKM iaitu RM9.30.

Senario serupa berlaku di Kuching, Sarawak iaitu RM10.50 berbanding ditetapkan RM9.50, manakala di Kota Kinabalu, Sa-

bah pula ia dijual RM11 daripada harga silingnya RM10.70.

Kedua-duanya agak berbeza di Labuan apabila ayam proses standard dijual pada har-

ga RM10.90 sekilogram daripada had SHMKM iaitu RM11.

Dalam pada itu, harga runcit sebilik telur ayam dari gred A, B dan C masing-masing diwartakan

kepada 43 sen, 41 sen dan 39 sen hanya dipatuhi di lima lokasi di Semenanjung Malaysia.

Tinjauan FAMA mendapat, ia melibatkan para peruncit di Johor Bahru, Johor; Melaka Tengah, Melaka; Kuantan, Pahang; Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dan Gombak, Selangor.

Sementara itu, para peniaga di Kangar, Perlis; Kota Setar, Kedah; Kota Bharu, Kelantan dan Seremban, Negeri Sembilan pula secara purata menjual sebijik 44 sen, 42 sen dan 40 sen.

Begitu juga di ibu negara kecuali gred C yang dijual 39 sen, manakala di Kuala Terengganu, Terengganu pula, agensi tersebut mendapat harganya mencecah 45 sen, 43 sen dan 41 sen.

Harga di Labuan masing-masing 49 sen, 48 sen dan 47 sen seperti ditetapkan, selain Kota Kinabalu, Sabah (48 sen, 47 sen, 46 sen) dan Kuching, Sarawak (44 sen, 41 sen, 39 sen).

SHMKM yang sepatahnya berakhir 31 Disember lalu, telah dilanjutkan selama 35 hari lagi sehingga Tahun Baru Cina awal bulan depan.

Peniaga ingkar akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

# KIANDEE: IMPORT OF CHICKEN A TEMPORARY MEASURE

**It will cease once supply in the country is sufficient and prices stabilise, says minister**

SAIFUL HAIZAN HASAM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE Agriculture and Food Industries Ministry has clarified that the permission to import frozen chicken from Thailand and China is only a temporary measure.

Such imports would cease once supply in the country was sufficient and prices stabilised, said its minister, Datuk Seri Ronald Kiandee.

He said the importation of chickens was being handled by several companies that were permitted to bring in 10,000 tonnes or 5.5 million chickens a month.

Kiandee said the permission was given for only three months, from December last year to February this year, with a strict monitoring mechanism put in place by the ministry.

"In early December, there was a shortage of chicken."

"Prices soared and our records showed we had a low supply of chicken in the market when the economic sector reopened."

"So we needed to increase the supply (by importing)."

"We are giving temporary flexibility to cover the shortage."

"If the local chicken production is sufficient and the price is sta-



*The price of chicken soared last month due to low supply. BERNAMA PIC*

ble, we will immediately stop (the import)," he told the New Straits Times Press.

Kiandee was commenting on a *Berita Harian* survey at several locations on Saturday that found that the prices of wet goods, including chicken, saw a drop after the government expanded the Malaysian Maximum Family Price Scheme (SHMKM) on the same day.

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid said the SHMKM compliance inspection found

that the prices of controlled goods had decreased, including chicken.

"Some items listed as price-controlled items, such as fresh chicken under SHMKM Phase Two, had decreased."

"The price level is more stable in the peninsula compared with the maximum price set during the first phase, which lasted from Dec 7 to yesterday (Saturday)."

Kiandee said the country had sufficient stock of frozen fish in the custody of the Malaysian

Fisheries Development Authority and the National Fishermen's Association.

"When there is a shortage, we will release the stock."

"The ministry is monitoring the continuity of the country's food supply, especially during the Covid-19 pandemic, as well as due to nationwide floods."

On Dec 1, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob had instructed the ministry to import chicken and release frozen fish stocks to enable the people to buy the goods at lower prices.